

KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

KERANA DAYANG PETERA

Tiong Mee Hii

Beratus-ratus tahun dahulu manusia belum ada lagi di dunia. Dunia ketika itu hanya didiami para dewa. Mereka tinggal di rumah panjang seperti setengah-setengah orang sekarang. Dewa-dewa itu tidak mengenali istilah memasak kerana makanan mereka hanyalah buah-buahan, sayur-sayuran dan cendawan liar.

Seorang daripada dewa-dewa itu mempunyai dua orang anak perempuan, Dayang Petera dan Dayang Siti Permani. Dayang Petera anak yang bongsu dan sangat cantik tetapi suka mengkritik orang lain. Dia juga suka membuat perkara yang berbeza daripada orang lain. Dayang Siti Permani pula suka menjaga binatang. Dia juga mempunyai kuasa untuk mencipta binatang.

Sehingga dia sudah dewasa, Dayang Petera masih juga suka membuat perkara-perkara yang aneh. Dia sering meminta kakaknya supaya mencipta binatang yang ganjil-ganjil seperti ular yang berkaki dan ikan yang berbulu yang belum wujud hingga kini. Dayang Petera juga tidak suka makan hasil hutan yang menjadi makanan mereka sekeluarga saban hari. Dia sering merungut mengenai makanan harian sehinggalah pada suatu hari ibunya mencadangkan sesuatu.

“Kamu pergilah cari Ini’ Raja Pipit. Mungkin dia dapat memberikan makanan lain kepada kami,” kata ibu Dayang Petera.

Dayang Petera berasa sangat gembira mendengar cadangan ibunya itu. Pada hari itu juga dia berkemas-kemas kerana hendak pergi berjumpa dengan Ini’ Raja Pipit. Selepas mengucapkan selamat tinggal kepada kakak dan kedua-dua orang tuanya, Dayang Petera pun berangkat ke tempat Ini’ Raja Pipit dengan menaiki perahu. Perahu itu hanya dapat memuatkan Dayang Petera seorang.

Setelah tiga hari Dayang Petera mengharungi perjalanan yang agak jauh akhirnya Dayang Petera pun sampai di sebuah rumah yang terletak di tengah-tengah sawah. Sawah itu penuh dengan lalang panjang. Seorang perempuan tua sedang menganyam tikar di serambi rumah. Dayang Petera pasti orang tua itulah Ini’ Raja Pipit.

Ini' Raja Pipit menjemput Dayang Petera naik ke rumah dan berbual-bual dengannya. Dia kemudian menjemput Dayang Petera untuk makan bersama tetapi dia menolak. Kata Dayang Petera, dia tidak suka makanan seperti yang biasa disajikan di rumahnya. Ini' Raja Pipit memberitahu Dayang Petera bahawa dia tidak akan menyajikan makanan seperti itu. Dia sebaliknya mengeluarkan beberapa kepal nasi dan memberikannya kepada Dayang Petera. "Nah, kamu cuba makanan ini," katanya.

Buat pertama kalinya Dayang Petera mengisi perutnya tanpa merungut! Katanya, nasi tersebut sangat enak.

Ini' Raja Pipit kemudian menunjuk ke kawasan yang merupakan sawah padi dan menunjukkan cara bagaimana menghasilkan nasi daripada padi. Dia menghentak penumbuk ke atas lantai sebanyak tiga kali. Tangkai-tangkai padi mula bergoyang-goyang dan bertukar menjadi butir-butir besar. Butir-butir besar itu kemudian mula bergerak-gerak sendiri dari sawah dan naik ke loteng rumah!

Dayang Petera yang hairan melihat perkara itu pun segera naik ke loteng untuk melihat apa yang berlaku. Di atas loteng dia ternampak ada tiga bekas besar diperbuat daripada kulit kayu. Bekas-bekas tersebut sudah penuh berisi dengan butir-butir padi yang besar.

Apabila masa untuk makan malam sudah tiba, Ini' Raja Pipit mengetuk lantai lagi. Sebaik sahaja dia berbuat demikian kira-kira dua puluh butir padi bergolek turun satu persatu dari loteng dan terus masuk ke dalam lesung! Kulit luar butir-butir padi itu mula terkupas dan dimasak sendiri di dalam batu rata. Dayang Petera menyaksikan semua peristiwa luar biasa itu dengan kekaguman.

Dayang Petera mengetahui banyak perkara tentang padi selepas beberapa minggu menetap di rumah Ini' Raja Pipit. Dia juga sudah mula suka akan cendawan, buah-buahan dan daun-daun kerana dapat dijadikan lauk untuk dimakan dengan nasi.

Pada suatu hari, datanglah Raja Pipit kerana hendak membawa Ini' Raja Pipit ke majlis perkahwinan sepupunya yang dilangsungkan secara besar-besaran selama sebulan. Sebelum bertolak, Ini' Raja Pipit telah meminta Dayang Petera supaya membantunya menanam padi sepeninggalannya nanti. "Tanamlah hanya apabila sudah ada Bintang Tujuh di langit," pesannya.

Sepeninggalan Ini' Raja Pipit dan setelah melihat Bintang Tujuh sudah ada di langit, Dayang Petera pun mulalah menanam padi untuk Ini' Raja Pipit. Bagaimanapun Dayang Petera tidak mengikut semua petua lain yang diajar oleh Ini' Raja Pipit. Dia pun terkejut dan hairan apabila melihat butir padi yang semakin menjadi kecil dan tidak boleh bergerak seperti biasa ketika dia hendak memasaknya. Dayang Petera mencuba pelbagai cara tetapi butir-butir padi tetap tidak mahu bergerak seperti biasa lagi.

Ketika Dayang Petera masih sibuk berusaha untuk mengembalikan butir-butir padi ke keadaannya yang lama, Ini' Raja Pipit pun pulang. Dayang Petera segera menceritakan apa yang berlaku. Ini' Raja Pipit memarahi Dayang Petera kerana tidak mengikut apa yang dipesannya. Sejak hari itu, akibat daripada perbuatan Dayang Petera, butir-butir padi atau biji beras pun bertukar menjadi kecil seperti yang ada sekarang. Padi juga terpaksa dituai kerana tidak mahu bergerak sendiri lagi.

Dayang Petera berasa kesal dan malu kerana kesilapannya. Selepas beberapa tahun tinggal bersama Ini' Raja Pipit akhirnya Dayang Petera pun berkahwin dan tinggal di rumah panjang suaminya.

Sekarang, hampir semua orang tahu makan nasi, malah ia sudah menjadi makanan utama sebilangan besar penduduk dunia. Namun sehingga kini beras diproses menjadi nasi tidak dapat membesar seperti dahulu. Apakah beras yang ada sekarang akan bergerak sendiri apabila diberi isyarat kalau Dayang Petera mengikut semua petua Ini' Raja Pipit.

